

SISTEM PERTA BERKESAN PENTING — PM

UM 7 DEC 1985

HANJAN

KUALA LUMPUR 6 Dis. —
Perdana Menteri Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad, hari ini
menegaskan pentingnya negara
menyusun satu sistem pertahanan dan
keselamatan yang berkesan untuk
mengelakkan daripada kekalahan dan
menyelamat rakyat daripada
kehancuran.

"Sistem pertahanan berkesan penting"

UM 7 DEC 1985

Penyeretaan pegawai - pegawai dari luar negeri ini, kata Perdana Menteri, merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan kepada sistem latihan tentera yang dijalankan di negara ini. "Ini secara tidak langsung dapat memperkayakan mutu pengajian serta prestasi maktab ini ke taraf yang sejajar dengan maktab-maktab turus di negara yang lebih maju," katanya. Beliau juga yakin persefahaman dan pertukaran pendapat di antara pegawai - pegawai tempatan dengan pegawai - pegawai luar negeri dapat memupuk semangat kerjasama antarabangsa dan hormat - menghormati antara satu sama lain. Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad juga menggesa pegawai - pegawai luar yang menghadiri kursus itu supaya jangan mempercayai kata-kata sesetengah golongan yang "sentiasa tidak berpuas hati" kepada usaha kerajaan.

"Kamu hanya perlu memandang di sekeliling kamu untuk mengetahui sama ada apa yang mereka katakan itu benar atau tidak," katanya. Lt. Kol. (U) Yeoh Kiat Boon muncul sebagai siswa terbaik daripada kalangan siswa-siswa Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Beliau juga penerima Piala Panglima Angkatan

Tentera kerana esenya bertajuk "Malaysian Aerospace Industry -- Problems and Prospects." Dalam bahagian Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), siswa terbaik ialah Lt. Komander Adri Juhann Abdullah sementara Mejar Yusoff Izzudin Zainol Izzudin dalam bahagian tentera darat. Mejar Tariq Majid dari Pakistan merupakan siswa terbaik di kalangan siswa-siswa dari luar negeri. — Bernama.

Katanya, ketiadaan sistem seumpama itu akan membawa kekecewaan, penderitaan dan kemusnahan seperti yang berlaku di Vietnam Selatan dan Kampuchea.

"Kita, rakyat Malaysia akan mengalami nasib yang sama seperti ribuan pelarian Vietnam yang menjerat di merata-rata pantai negara kita, jika kita lalai atau tidak mempunyai sistem pertahanan yang kukuh," kata beliau yang selaku Menteri Pertahanan pada majlis penyampaian diploma kursus ke-14 Maktab Turus Angkatan Tentera di Bangunan Parlimen di sini.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, sistem pertahanan dan keselamatan negara mestilah berupaya menangkis segala bentuk ancaman dari dalam mahupun luar negeri. "Inilah sahaja cara kita menjamin keamanan negara kita," katanya.

Dalam perkara ini, tegasnya strategi sistem pertahanan negara mestilah sanggup mendokong satu konsep keselamatan yang menyeluruh yang merangkumi segala aspek kekuatan ekonomi, kestabilan politik, keteguhan jentera pentadbiran, ketahanan psikologi dan perpaduan rakyat.

"Jika dilihat daripada segi kepentingan negara, strategi ini adalah berdasarkan cita-cita untuk menghindari sebarang peperangan dan sebaliknya pula untuk menjamin hidup aman, damai, bebas dan berkecuali bersama jiran-jiran yang bersahabat dan hormat - menghormati antara satu sama lain," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dalam membangunkan sesuatu sistem yang serba moden yang memerlukan pelaburan besar, negara mestilah berpandu kepada pemilihan senjata dan peralatan yang "sesuai bagi keperluan kita dan seterusnya memperhebatkan daya tempurnya dengan cara peningkatan pengendalian dan teknik pengerahannya." Sebagai sebuah negara yang membangun, tambahnya, Malaysia tidak mampu memiliki senjata dan peralatan "state of the art" yang serba lengkap bukan sahaja disebabkan oleh harganya tetapi juga kekerapan ianya diganti dengan sistem yang lebih sofistikated.

Seramai 101 orang graduan yang telah tamat menjalani kursus selama 11 bulan, telah menerima diploma masing - masing daripada Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad. Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah dan Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abu Bakar Datuk Abang Haji Mustapha.

Jumlah itu termasuk 19 orang pegawai dari Amerika Syarikat, Australia, Bangladesh, Filipina, Indonesia, Jepun, Kuwait, New Zealand, Oman, Pakistan, Papua New Guinea, Arab Saudi, Singapura, Thailand dan United Kingdom.